

# **Keberkesanan Modul Program Maju Diri ke atas Motivasi Pencapaian di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Selangor**

oleh

**Jamaludin Ahmad**

**Sidek Mohd Noah**

**Rusnani Abd. Kadir**

**Hamsuddin Ahmad**

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

## **ABSTRAK**

*Modul Program Maju Diri yang dibangunkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Selangor terdiri daripada tiga sub-modul iaitu sub-modul Pendekatan Insan Cemerlang (PIC), sub-modul Pendekatan Cahaya Iman (PCI) dan sub-modul Pendekatan Nilai Diri (PND). Kajian eksperimen ini dijalankan bertujuan untuk menentukan keberkesanan modul PMD ke atas motivasi pencapaian. Subjek kajian terdiri daripada 440 orang pelajar tingkatan satu hingga lima daripada lapan buah sekolah menengah di Daerah Kuala Langat yang telah dipilih secara rawak. Mereka kemudiannya dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen (220) dan kumpulan kawalan (220). Kumpulan eksperimen menerima rawatan menggunakan modul PMD. Untuk menguji hipotesis kajian, ujian-t bersandar, ujian-t tidak bersandar dan ujian ANOVA sehalu telah digunakan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa sub-modul PMD telah dapat meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Keputusan kajian juga membuktikan enam daripada 11 sub-modul PMD berjaya meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Akhirnya dapatan kajian ini juga membuktikan sub-modul PIC tingkatan satu adalah yang terbaik antara modul PMD tingkatan satu. Sub-modul PND tingkatan dua adalah lebih baik antara modul PMD tingkatan dua. Manakala sub-modul PCI tingkatan tiga adalah yang terbaik antara modul PMD tingkatan tiga. Sehubungan dengan keputusan yang diperolehi itu, beberapa pandangan dan cadangan telah disarankan.*

## **ABSTRACT**

*The Self-Development Programmed Module (PMD) developed by the Selangor State Education Department consists of three sub-modules namely Pendekatan Insan Cemerlang (PIC), Pendekatan Cahaya Iman (PCI) and Pedekatan Nilai Diri (PND). This experimental study is to determine the effectiveness of the PMD module on achievement motivation. The subjects of this study were 440 Form One to Form Five students from eight schools in Kuala Langat selected randomly. The subjects were divided into two groups, namely the experimental group (220) and the control group (220). The dependent t-test, independent t-test and one-way ANOVA were used to test the hypothesis. The finding showed that PMD sub-modules had improved the achievement motivation of the students. The finding also showed that six out of 11 PMD sub-modules had*

*improved the achievement motivation of the students. Finally the findings indicated that the sub-module PIC, Form 1 is the most effective among the PMD sub-module; sub-module PND Form 2 is the most effective among the PND sub-module; and sub-module PCI Form 3 is the most effective among the PCI sub-module. Pertaining to the research finding, several implications and recommendations were put forward.*

## **LATAR BELAKANG**

Sesebuah negara yang mempunyai wawasan, memerlukan rakyat yang mempunyai kebolehan, kemampuan, daya tahan, daya saing serta daya juang yang tinggi. Sehubungan itu, bidang pendidikan merupakan bidang yang amat penting dan mencabar dalam membentuk dan membangunkan masyarakat dan negara, kerana proses mewariskan budaya hidup kepada generasi muda daripada segi pengetahuan, kemahiran dan sikap mesti dilakukan secara berterusan tanpa titik noktah (Wan Rahimah Wan Ab. Kadir 1995).

Proses perkembangan sesuatu bangsa dan proses kemajuan sesebuah negara berkaitan secara lansung dengan sistem pendidikan. Pendidikan yang bermutu akan melahirkan generasi yang sedar dan insaf terhadap erti hidup dan tanggungjawab. Mereka akan berusaha memperkembangkan potensi masing-masing untuk mencapai kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara. Generasi yang berkualiti amat diperlukan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 (Wan Rahimah Ab. Kadir 1995).

Mc Whirter (1998) menyarankan agar semua pendidik dapat membantu pelajar bermasalah dengan cara mewujudkan unsur persaingan yang sihat di sekolah melalui pelbagai aktiviti atau program, meningkatkan kesedaran sendiri, meningkatkan lagi kemahiran berkomunikasi dua hala dan membantu kemahiran membuat keputusan. Beliau juga menyatakan bahawa antara faktor utama yang menyebabkan pelajar tidak berminat terhadap pengajaran dan pembelajaran dan ingin meninggalkan sekolah dengan segera ialah faktor bencikan sekolah kerana sekolah tempat yang membosankan dan tidak dapat memenuhi cita rasa pelajar.

Sekolah harus mencipta dan melaksanakan pelbagai aktiviti yang berstruktur dan terancang bagi menarik minat pelajar untuk terus mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Salah satu kaedah yang boleh membantu pelajar sedemikian ialah melalui aktiviti yang dikenali sebagai modul Program Maju Diri.

Modul Program Maju Diri adalah berkaitan dengan motivasi iaitu sejauhmana pelajar sekolah dapat dimotivasi oleh guru atau kaunselor di sekolah (Jabatan Pendidikan Selangor 1993). Modul Program Maju Diri merupakan satu program motivasi berteraskan pelbagai aktiviti bertujuan meningkatkan produktiviti, pencapaian, semangat dan kesedaran yang berkekalan. Modul PMD dilaksanakan pada minggu pertama dan kedua persekolah dibuka pada setiap tahun melalui surat siaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Selangor.

Salah satu faktor yang dikatakan mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar ialah motivasi pencapaian. Maehr dan Sjogren (1971) menyatakan bahawa terdapat banyak perkara yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar di dalam sesebuah kelas dan salah satu daripada perkara itu ialah motivasi pencapaian. Mc Clelland (1961) telah menjelaskan bahawa motivasi pencapaian melibatkan proses desakan dalaman sejak lahir yang berlaku di kalangan individu dengan matlamat bagi mendapatkan kepuasan dan berjaya di dalam aktiviti

perseorangan. Sementara itu, Irene Chong Moi Moi (1997) telah menyatakan bahawa motivasi pencapaian ialah satu keperluan untuk mencapai kecemerlangan. Ia merupakan kecenderungan seseorang untuk melakukan sesuatu kerja dengan lebih baik, lebih lancar dan lebih berkesan, sama ada dalam bidang pekerjaan, perniagaan mahupun dalam bidang pendidikan.

### **PENDEKATAN TEORI**

Teori motivasi pencapaian oleh Mc Clelland (1961; 1985) telah dijadikan sandaran utama dalam membincangkan keberkesanan modul PMD ke atas motivasi pencapaian di kalangan para pelajar sekolah menengah. Irene Chong Moi Moi (1997) telah mentakrifkan motivasi pencapaian sebagai satu keperluan untuk mencapai kecemerlangan. Motivasi pencapaian merupakan kecenderungan seseorang individu untuk melakukan sesuatu kerja dengan lebih baik, lebih lancar dan lebih berkesan, sama ada dalam bidang pekerjaan, perniagaan mahupun dalam bidang pendidikan.

Mc Clelland (1961) telah menegaskan bahawa motivasi pencapaian individu berkait dengan motivasi dalaman yang membentuk tingkah laku seseorang. Tingkah laku ini boleh dibentuk dan dirangsang ke arah mencapai sesuatu kejayaan. Oleh sebab itu, beliau menekankan bahawa terdapat hubungan yang sangat erat antara motivasi pencapaian dengan kejayaan dalam pelbagai aspek termasuklah aspek pendidikan. Individu yang berjaya ialah mereka yang bermotivasi pencapaian yang tinggi dan mereka ini mempunyai matlamat mahu mengejar kejayaan.

Mc Clelland (1961) seterusnya menyatakan bahawa pelajar yang bermotivasi pencapaian rendah pula akan memilih dua kaedah kegagalan iaitu sama ada jalan mudah untuk mencapai kejayaan atau memilih jalan yang bergantung kepada nasib semata-mata. Pemilihan kaedah ini akan menyebabkan orang lain tidak boleh menyalahkannya di atas kegagalannya.

Mc Clelland (1985) menjelaskan bahawa motif pencapaian ini merupakan satu sifat individu yang agak stabil. Orang yang sentiasa ingin mencapai sesuatu matlamat akan mempaparkan sifat-sifat yang berlainan daripada individu yang kurang inginkan pencapaian. Antara lain ialah mereka tekun bekerja, tabah hati, suka bekerja dengan orang yang dapat memberi sumbangan yang sempurna, sering menetapkan piawai pencapaian untuk berjaya, menumpukan perhatian pada masa hadapan, tidak mengambil kira tentang nasib, jarang sekali mengambil risiko yang tinggi dan mereka ini amat bertanggungjawab (Mc Clelland 1985).

Teori motivasi pencapaian Mc Clelland (Mc Clelland, 1985) telah menerangkan tentang keinginan untuk menghasilkan satu tugas pencapaian dalam bentuk dua faktor atau motif, iaitu motif untuk mencapai kejayaan dan motif untuk mengelak kegagalan. Motif untuk mencapai kejayaan didefinisikan sebagai satu kejayaan untuk bertindak balas dengan rasa bangga terhadap sesuatu pencapaian. Manakala motif untuk mengelak kegagalan didefinisikan sebagai keupayaan untuk bertindak balas dengan rasa malu apabila hasil sesuatu perkara adalah gagal. Kebarangkalian kejayaan dilihat sebagai satu anggaran subjektif kemungkinan untuk berjaya pada tugas yang diberikan.

Mc Clelland (1985) telah menghuraikan bahawa komposisi motivasi adalah berlandaskan kepada motif untuk mencapai kejayaan dan motif untuk mengelakkan kegagalan. Motif untuk mencapai kejayaan bercirikan kemegahan jika terdapat kejayaan dalam menghasilkan sesuatu, manakala motif untuk menjauhi kegagalan dianggap satu penghinaan jika menerima

kegagalan. Individu yang mempunyai motif mencapai kejayaan memerlukan persaingan, kejayaan dan keseronokan yang pelbagai serta perubahan dalam setiap situasi yang khusus memberi kesan kepada kekuatan motif pencapaian.

Kecenderungan mencapai kejayaan berhubung dengan sesuatu tugas atau aktiviti adalah bergantung kepada tiga pemboleh ubah iaitu motif untuk mencapai kejayaan, kebarangkalian bahawa perbuatan melakukan tugas tersebut dan nilai insentif kejayaan tersebut. Motif mencapai kejayaan membawa motif sebaliknya iaitu motif mengelakkan kegagalan. Seseorang itu mungkin menghadapi sesuatu masalah dengan penuh semangat dan tenaga agar mendapat kejayaan ataupun mungkin mengelakkan tugas tersebut untuk mengelakkan kegagalan. Kebarangkalian sama ada seseorang itu berjaya di dalam sesuatu tugas ialah nilai subjektif yang dibuatnya sendiri dan kebarangkalian itu mungkin tinggi atau rendah.

Mengikut teori motivasi pencapaian, kebarangkalian berjaya berkait secara langsung dengan daya penarik perihal kejayaan ataupun nilai insentif tersebut. Pada kebiasaannya, nilai insentif sesuatu kejayaan itu akan lebih besar untuk tugas yang lebih sukar jika dibandingkan dengan tugas yang lebih mudah. Oleh itu, berdasarkan kepada perbincangan tersebut, seseorang yang bermotivasi untuk kejayaan akan tertarik kepada tugas-tugas yang mempunyai kebarangkalian 50:50 untuk berjaya atau gagal dan nilai insentif untuk tugas tersebut pada tahap kebarangkalian ini pun tinggi. Sebaliknya individu yang bermotivasi untuk mengelak kegagalan akan mengelakkan tugas pada tahap kesusahan. Individu ini akan memilih tugas yang sangat senang agar kebarangkalian mengelakkan kegagalan sangat tinggi.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Negeri Selangor adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang telah memperkenalkan dan melaksanakan modul PMD. Modul PMD menumpukan sasarannya terhadap semua pelajar sekolah menengah di negeri Selangor sahaja, iaitu daripada tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5. Sekolah yang terlibat termasuklah sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah agama kelolaan Jabatan Pendidikan Selangor. Sekolah-sekolah menengah berasrama penuh kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia dan sekolah-sekolah Menengah Agama kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor yang berpersi di negeri Selangor adalah terkecuali.

Modul induk yang dibina oleh Jabatan Pendidikan Selangor dikenali dengan nama modul PMD. Modul PMD dibahagikan kepada tiga sub-modul iaitu sub-modul PIC untuk pelajar Islam dan bukan Islam, sub-modul PCI untuk pelajar Islam sahaja dan sub-modul PND untuk pelajar bukan Islam. Keseluruhannya terdapat 11 sub-modul yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Selangor. Sub-Modul PIC adalah untuk pelajar daripada tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5 yang berada di sekolah menengah; sub-modul PCI adalah untuk pelajar tingkatan 1, 2 dan 3 sahaja dan sub-modul PND juga untuk pelajar tingkatan 1, 2 dan 3.

Jabatan Pendidikan Selangor (1999) telah melaporkan bahawa keputusan peperiksaan PMR dari tahun 1994 hingga tahun 1999 adalah sangat membanggakan khususnya dari aspek kualiti pencapaian. Sebagai bukti, bilangan pelajar yang berjaya mendapat 9A telah meningkat daripada 95 orang pada tahun 1995 kepada 242 orang pada tahun 1999. Pelajar yang mendapat 8A pula telah meningkat iaitu daripada 320 orang pada tahun 1995 kepada 1,108 orang pada tahun 1999. Begitu juga bilangan pelajar yang mendapat 7A turut meningkat dengan ketara iaitu daripada 582 orang pada tahun 1995 kepada 1,159 orang pada tahun 1999. Ini membuktikan bahawa kualiti pencapaian peperiksaan PMR negeri Selangor

sangat membanggakan. Pencapaian seumpama ini didorong oleh pelbagai faktor. Oleh itu, kajian perlu dilakukan untuk menentukan sejauhmana peranan modul PMD berjaya meningkatkan motivasi pencapaian pelajar dan seterusnya membantu meningkatkan prestasi akademik pelajar.

Jika dilihat dari sudut kualiti peperiksaan SPM pula, menunjukkan bahawa pada tahun 1994, bilangan pelajar yang mendapat pangkat satu adalah seramai 5,377 orang telah meningkat kepada 10,083 orang pada tahun 1999. Begitu juga pelajar yang mendapat pangkat dua turut meningkat iaitu pada tahun 1994 seramai 5,703 orang kepada 8,634 orang pada tahun 1999. Bilangan pelajar yang mendapat pangkat tiga juga turut meningkat iaitu daripada 4,374 orang pada tahun 1994 kepada 5,931 orang pada tahun 1999. Ini menunjukkan bahawa kualiti pencapaian peperiksaan SPM negeri Selangor adalah sangat memuaskan. Oleh itu, satu kajian keberkesanan modul PMD ke atas motivasi pencapaian pelajar yang seterusnya mempengaruhi prestasi pencapaian akademik pelajar harus dijalankan.

Sehingga kini, modul PMD masih belum melalui poses penyelidikan yang bersifat ilmiah khususnya dari sudut keberkesanan modul PMD ke atas motivasi pencapaian pelajar. Oleh sebab tiada lagi kajian bersifat ilmiah terhadap modul PMD, maka perlu dilakukan penyelidikan tersebut dengan matlamat membantu pihak Jabatan Pendidikan Selangor khususnya dan kerajaan negeri Selangor amnya, mengenal pasti sejauhmanakah modul PMD berjaya meningkatkan motivasi pencapaian dan seterusnya membantu peningkatan prestasi akademik pelajar. Lebih-lebih lagi kerajaan negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar bagi membiayai semua kos yang berkaitan dengan pembinaan modul PMD.

Walaupun modul PMD telah lama dilaksanakan Sehingga kini belum ada lagi kajian yang dijalankan berkaitan dengan keberkesanan modul PMD. Sehubungan itu penyelidikan perlu dilakukan untuk mengenal pasti apakah tahap keberkesanan modul PMD dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar? Oleh kerana modul PMD Jabatan Pendidikan Selangor mempunyai tiga sub-modul yang berlainan maka dapatan kajian ini secara tidak lansung dapat menentukan sub-modul manakah di dalam modul PMD yang paling berkesan?

Kajian ini bertujuan untuk menguji keberkesanan modul PMD yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Selangor di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah yang berada di tingkatan 1 hingga 5. Secara khususnya tujuan kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui mengenal pasti keberkesanan sub-modul PIC ke atas motivasi pencapaian.
2. Mengetahui mengenal pasti keberkesanan sub-modul PCI ke atas motivasi pencapaian.
3. Mengetahui mengenal pasti keberkesanan sub-modul PND ke atas motivasi pencapaian.
4. Mengetahui mengenal pasti jenis sub-modul PMD manakah dianggap paling berkesan.

### **HIPOTESIS KAJIAN**

Kajian eksperimen ini umumnya bertujuan untuk mengenal pasti tahap keberkesanan modul PMD dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Sehubungan itu, tiga hipotesis nol telah dibentuk oleh penyelidik yang kemudiannya diuji dengan statistik tertentu bertujuan sama ada menerima atau menolak hipotesis tersebut. Hipotesis yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- $H_1$  Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor motivasi pencapaian ujian

pra dan ujian pasca bagi pelajar tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5 kumpulan eksperimen yang mengikuti sub-modul PIC, PCI dan PND.

- H<sub>2</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor motivasi pencapaian ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen bagi pelajar tingkatan 1, 2, 3, 4 dan 5 yang mengikuti sub-modul PIC, PCI dan PND
- H<sub>3</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor motivasi pencapaian ujian pasca untuk sub-modul PIC, PCI dan PND bagi pelajar tingkatan 1, 2 dan 3 kumpulan eksperimen.

## **METOD KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian eksperimen kumpulan rawak, ujian-pra dan ujian-pasca. Kajian eksperimen merupakan satu kajian yang dijalankan untuk menentukan kesan sesuatu olahan. Penyelidik dengan sengaja dan secara sistematik mengenakan pembolehubah yang dikenal pasti kepada subjek yang dikaji dan mencerap kesannya ke atas subjek. Reka bentuk kumpulan rawak ujian-pra, ujian-pasca sesuai digunakan bagi mengkaji perubahan yang disebabkan oleh olahan pembolehubah tak bersandar (Mohd Majid Konting 1998).

### **Tempat Kajian**

Kajian ini telah dijalankan di negeri Selangor, Malaysia. Negeri Selangor dipilih kerana ia merupakan satu-satunya negeri yang telah memperkenalkan program modul PMD. Sebanyak sebelas buah sekolah menengah di daerah Kuala Langat yang mewakili sekolah luar bandar dan sekolah bandar telah terlibat dalam kajian ini. Antara sekolah tersebut ialah SMK Sultan Abdul Samad, SMK Jugra, SMK Tanjung Sepat, SMK Jenjarom, SMK Bukit Changgang, SMK Tanjung Sepat, SMK Batu Laut, SMK Banting dan SMK Sungai Manggis.

### **Subjek Kajian**

Populasi kajian adalah semua pelajar sekolah menengah di bawah pentadbiran Jabatan Pendidikan Selangor yang telah melaksanakan program modul PMD. Bilangan sampel kajian pula adalah 440 orang pelajar yang dipilih secara rawak dari lapan buah sekolah menengah di negeri Selangor iaitu 220 orang untuk kumpulan eksperimen dan 220 orang untuk kumpulan kawalan. Dalam kajian ini, bilangan sampel untuk kajian eksperimen adalah 40 orang untuk setiap sub-modul iaitu 20 orang untuk kumpulan rawatan dan 20 orang untuk kumpulan kawalan. Bilangan sampel ini adalah sesuai dan mencukupi berdasarkan kepada formula penentuan saiz sampel oleh Cohen (1992), Rusell (1974), Fraenkel dan Wallen (1996) dan Johnson dan Solso (1978).

Sidek Mohd Noah (2002) dan Tuckman (1978) menyatakan bahawa penggunaan saiz sampel yang kecil amat sesuai apabila kajian melibatkan teknik yang kompleks dan melibatkan penilaian tingkah laku. Berasaskan formula Cohen (1992), untuk melihat perbezaan min antara dua kumpulan yang melibatkan statistik ujian-t dengan saiz kesan besar pada aras signifikan .10 dan kuasa .80 ialah 20. Bilangan sampel untuk ujian ANOVA sehalu yang

melibatkan tiga kumpulan, saiz kesan besar pada aras signifikan .10 dan kuasa .80 ialah 17. Dengan saiz sampel sebanyak itu, kebarangkalian terjadinya Ralat Jenis II ialah .20 dan kuasa akan mencapai tahap .80.

### **Alat Kajian**

Alat kajian yang digunakan ialah satu set soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi lima item yang bertujuan mengumpul biodata subjek kajian, sementara bahagian B adalah Ujian Motivasi Pencapaian (UMP) yang mempunyai format soalan jenis skala Likert. Alat ukuran UMP telah diperkenalkan oleh Abu Bakar Nordin (1995). Alat ukuran ini telah diakui kesahannya dan nilai pekali kebolehpercayaannya ialah .84 (Abu Bakar Nordin, 1995). Alat ukuran ini mempunyai 25 pernyataan bagi mengukur tahap motivasi pencapaian berdasarkan enam faktor yang menjadi petunjuk motivasi pelajar. Skor maksimum yang boleh diperolehi menggunakan alat ukuran ini ialah 125 dan skor minimum ialah 25. Skor motivasi pencapaian tinggi adalah antara 88 hingga 125, skor motivasi pencapaian sederhana adalah antara 50 hingga 87 dan skor motivasi pencapaian rendah adalah kurang 49.

### **Analisis Data Statistik**

Ujian t-bersandar telah digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis nul seperti yang dinyatakan dalam  $H_1$  yang membandingkan antara skor min ujian pra dan ujian pasca motivasi pencapaian. Hipotesis nul yang dinyatakan dalam  $H_2$  yang bertujuan untuk meninjau keberkesanan modul PMD dari aspek motivasi pencapaian dengan melihat perbezaan skor motivasi pencapaian ujian pasca kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Ianya telah diuji dengan menggunakan ujian-t tidak bersandar kerana melibatkan dua kelompok yang berbeza. Bagi menguji hipotesis nul  $H_3$ , ujian ANOVA sehalu telah digunakan kerana ia melibatkan tiga kelompok yang berbeza. Tujuannya ialah untuk melihat perbezaan skor motivasi pencapaian ujian pasca untuk sub-modul PIC, PCI dan PND. Analisis dibuat dengan bantuan *Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS/PC+)*.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Perbandingan Skor Ujian-Pra, Ujian-Pasca Kumpulan Eksperimen**

Jika dibuat penelitian berdasarkan kepada perbezaan skor min motivasi pencapaian antara ujian-pra dan ujian-pasca, 10 daripada 11 sub-modul PMD telah berjaya meningkatkan motivasi pencapaian. Ini bermakna modul PMD berkeupayaan meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Walau bagaimanapun keputusan ujian-t bersandar menunjukkan hanya empat daripada 11 hipotesis nul yang dibina ditolak dan tujuh hipotesis nul lagi dikekalkan. Ini bermakna bahawa empat sub-modul (sub-modul PIC tingkatan 1, sub-modul PIC tingkatan 4, sub-modul PCI tingkatan 3 dan sub-modul PND tingkatan 2) telah dibuktikan berupaya meningkatkan motivasi pencapaian pelajar pada aras signifikan .05 (rujuk Jadual 2).

**JADUAL 2**  
 Rumusan keputusan pengujian hipotesis nul untuk sub-modul  
 PIC, PCI dan PND menggunakan ujian t-bersandar

Sub-Modul	Ting.	UMP	n	Min	SP	dk	<i>t</i>	<i>p</i>
PIC – H <sub>1a</sub>	1	Pra	20	84.60	9.62	38	-2.60	.01*
		Pasca	20	92.75	10.18			
PIC – H <sub>1b</sub>	2	Pra	20	83.20	9.21	38	-1.43	.16
		Pasca	20	87.85	11.17			
PIC – H <sub>1c</sub>	3	Pra	20	80.15	6.00	38	-0.08	.94
		Pasca	20	80.30	5.69			
PIC – H <sub>1d</sub>	4	Pra	20	80.90	7.39	38	-2.96	.00*
		Pasca	20	87.65	6.99			
PIC – H <sub>1e</sub>	5	Pra	20	80.20	10.15	38	-1.36	.08
		Pasca	20	84.00	7.22			
PCI – H <sub>1f</sub>	1	Pra	20	86.95	7.34	38	-0.87	.39
		Pasca	20	88.95	7.21			
PCI – H <sub>1g</sub>	2	Pra	20	83.30	7.10	38	-0.10	.92
		Pasca	20	83.65	13.50			
PCI – H <sub>1h</sub>	3	Pra	20	85.65	6.30	38	-3.23	.00*
		Pasca	20	92.00	6.12			
PND – H <sub>1i</sub>	1	Pra	20	79.10	7.11	38	-0.29	.77
		Pasca	20	78.35	8.99			
PND – H <sub>1j</sub>	2	Pra	20	81.10	10.39	38	-3.20	.00*
		Pasca	20	92.50	10.82			
PND – H <sub>1k</sub>	3	Pra	20	87.35	5.42	38	-1.10	.27
		Pasca	20	89.25	5.46			

*Nota:* \* Signifikan pada aras .05

### **Perbandingan Skor Ujian-Pasca Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan**

Berdasarkan kepada Jadual 3, dapatlah dirumuskan bahawa kajian eksperimen bagi menentukan keberkesanan sub-modul PIC, PCI dan PND ke atas motivasi pencapaian menggunakan ujian-t tidak bersandar menunjukkan bahawa enam daripada 11 hipotesis nul yang dibina tidak ditolak dan hanya lima hipotesis nul sahaja yang ditolak. Ini bermakna enam sub-modul PMD (sub-modul PIC tingkatan 1, tingkatan 2, tingkatan 3, sub-modul PCI tingkatan 3, sub-modul PND tingkatan 2 dan tingkatan 3) telah berjaya meningkatkan motivasi pencapaian pada aras signifikan .05. Jika dibuat penelitian berdasarkan skor min motivasi pencapaian antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan menunjukkan 10 daripada 11 sub-modul PMD berjaya meningkatkan skor motivasi pencapaian. Ini bermakna modul PMD berkemampuan meningkatkan motivasi pencapaian pelajar-pelajar.

### **Perbandingan Skor Ujian-Pasca Kumpulan Sub-Modul PIC, PCI dan PND**

Untuk menentukan sub-modul manakah yang terbaik antara sub-modul PIC, PCI dan PND dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar, ujian statistik ANOVA sehalu telah dijalankan. Keputusan analisis tersebut menunjukkan bahawa dua daripada tiga hipotesis nul yang dikemukakan ditolak (sila rujuk Jadual 4). Berpandukan kepada skor min, bagi sub-



modul PMD tingkatan 1, sub-modul PIC adalah yang terbaik, sementara untuk sub-modul PMD tingkatan 2, sub-modul PND adalah yang terbaik dan akhir sekali untuk sub-modul PMD tingkatan 3 pula, sub-modul PCI adalah yang terbaik.

**JADUAL 3**  
Rumusan keputusan pengujian hipotesis nul untuk sub-modul PIC, PCI dan PND menggunakan ujian-t tidak bersandar

Sub-Modul	Ting.	UMP	n	Min	SP	dk	<i>t</i>	<i>p</i>
PIC – H <sub>2a</sub>	1	Kawalan	20	83.35	11.35	38	-2.27	.01*
		Eksperimen	20	92.65	10.17			
PIC – H <sub>2b</sub>	2	Kawalan	20	79.65	7.85	38	-2.68	.01*
		Eksperimen	20	87.85	11.17			
PIC – H <sub>2c</sub>	3	Kawalan	20	79.80	8.32	38	-0.22	.83
		Eksperimen	20	80.30	5.69			
PIC – H <sub>2d</sub>	4	Kawalan	20	76.65	11.67	38	-3.62	.00*
		Eksperimen	20	87.65	6.99			
PIC – H <sub>2e</sub>	5	Kawalan	20	79.75	11.36	38	-1.41	.17
		Eksperimen	20	84.00	7.22			
PCI – H <sub>2f</sub>	1	Kawalan	20	85.20	9.85	38	-1.37	.18
		Eksperimen	20	88.95	7.21			
PCI – H <sub>2g</sub>	2	Kawalan	20	79.25	8.80	38	-1.22	.23
		Eksperimen	20	83.65	13.50			
PCI – H <sub>2h</sub>	3	Kawalan	20	84.60	5.25	38	-4.08	.00*
		Eksperimen	20	91.90	6.05			
PND – H <sub>2i</sub>	1	Kawalan	20	79.95	8.06	38	0.52	.61
		Eksperimen	20	78.55	8.99			
PND – H <sub>2j</sub>	2	Kawalan	20	84.90	7.62	38	-2.57	.01*
		Eksperimen	20	92.50	10.82			
PND – H <sub>2k</sub>	3	Kawalan	20	83.50	8.39	38	-2.57	.01*
		Eksperimen	20	89.25	5.46			

*Nota* : \* Signifikan pada aras .05

**JADUAL 4**  
Rumusan keputusan pengujian hipotesis nul untuk sub-modul PIC, PCI dan PND menggunakan ujian ANOVA sehala

Tingkatan	Sumber	Jumlah Kuasa-Dua	dk	Min Kuasa-Dua	Nilai- <i>f</i>	<i>p</i>
1	Antara kumpulan	2161.60	2	1080.80	13.72	.00*
	Dalam kumpulan	4489.65	57	78.77		
	Jumlah	6651.25	59			
2	Antara kumpulan	617.23	2	308.62	2.12	.13
	Dalam kumpulan	8296.10	57	145.55		
	Jumlah	8913.33	59			
3	Antara kumpulan	1477.90	2	738.95	22.43	.00*
	Dalam kumpulan	1877.75	57	32.94		
	Jumlah	3355.65	59			

*Nota*: \* Signifikan pada aras .05

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini, membuktikan bahawa modul PMD yang dibangunkan oleh Jabatan Pendidikan selangor telah memberi panduan, peluang, semangat, dorongan dan galakan kepada pelajar kumpulan eksperimen supaya menyedari keperluan dan kepentingan motivasi pencapaian dalam kehidupan mereka sebagai seorang pelajar. Motivasi pencapaian merupakan faktor pencetus ke arah pencapaian sesuatu matlamat yang ingin dicapai. Ini bermaksud seseorang pelajar itu dapat ditingkatkan motivasi pencapaiannya melalui pelbagai aktiviti terancang seperti aktiviti yang terdapat dalam modul PMD. Perkara ini bertepatan dengan pandangan Mc Clelland (1961) yang menegaskan bahawa motivasi pencapaian boleh ditingkatkan melalui latihan atau aktiviti tertentu dengan syarat pelajar tersebut mengkehendaki dirinya dimotivasikan, memahami prinsip-prinsipnya dan melibatkan diri secara aktif dalam latihan dan aktiviti tersebut.

Aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam modul PMD telah membantu peningkatan keseronokkan diri pelajar dan seterusnya berjaya meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Sebagai bukti, setiap pelajar akan dilibatkan dalam semua aktiviti sama ada secara individu atau kelompok kecil. Mereka akan bertukar-tukar idea, berbincang, tolong menolong serta memberi dorongan ketika menyiapkan tugas yang diberi. Mereka bertindak secara aktif bagi memastikan ahli-ahli kumpulannya berjaya menyiapkan tugas yang diberi dalam tempuh masa yang ditetapkan. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa kesemua aktiviti di dalam modul PMD menepati pandangan Mc Clelland (1961) yang menegaskan bahawa motivasi pencapaian boleh ditingkatkan melalui latihan dan aktiviti tertentu dengan syarat pelajar dilibatkan secara aktif dalam latihan atau aktiviti tersebut.

Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian oleh Habibah Elias (1991) dan Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1991) yang menunjukkan bahawa penggunaan modul membolehkan pelajar belajar secara lebih berkesan dan produktif. Ini kerana di dalam modul terdapat berbagai aktiviti yang boleh menjadi peransang kepada pelajar untuk terus berminat terhadap prose pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti-aktiviti tersebut telah menarik minat pelajar untuk terus mencuba menyiapkan tugas yang diberi, lebih-lebih lagi maklum balas yang diterima oleh pelajar adalah segera, cepat dan tepat.

Mc Clelland (1961) telah menekankan bahawa motivasi pencapaian individu berkait rapat dengan motivasi dalaman individu tersebut yang akan menjadi pembentuk dan penggerak tingkah laku ke arah mencapai kejayaan. Oleh sebab modul PMD mempunyai pelbagai aktiviti, maka ia menjadi penggerak motivasi dalaman pelajar ke arah mencapai matlamat yang ditetapkan.

Suradi Salim (1987) telah menyatakan bahawa motivasi dalaman boleh mendorong pelajar menjadi tekun belajar bagi memenuhi keinginannya untuk memperolehi kepuasan dirinya setelah berjaya mengikuti aktiviti-aktiviti tertentu. Keinginan untuk mencapai sesuatumatlamat akan mendorong individu mengharungi dan cuba mengatasi apa juga halangan yang dihadapi. Individu tersebut akan cuba melakukan sesuatu yang sukar dengan seberapa segera dan sebaik yang mungkin (Mc Clelland, 1985). Di dalam modul PMD, setiap aktiviti yang dilakukan menjurus kearah pencapaian matlamat tertentu. Oleh itu, pelajar sudah tahu matlamat yang ingin dicapai, maka ia akan cuba mencapai matlamat tersebut dengan bantuan fasilitator. Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1991) telah menyatakan bahawa di dalam modul sudah dinyatakan matlamat yang ingin dicapai terlebih dahulu dan sekaligus boleh mendorong pelajar meneruskan aktiviti untuk mencapai matlamat tersebut.

Mc Clelland (1985) menyatakan bahawa di antara ciri-ciri utama individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi ialah individu tersebut suka mendapatkan maklum balas prestasi diri mereka. Perkara ini terkandung di dalam modul PMD, iaitu pelajar akan mendapatkan maklum balas prestasi diri mereka. Setiap kali setelah aktiviti di dalam modul PMD telah dijalankan, pelajar akan mengetahui tahap prestasi mereka dan akan cuba mengubah kelemahan yang disedari agar tidak berulang. Sebahagian daripada aktiviti modul diulang dua hingga tiga kali dengan tujuan memberi peluang kepada pelajar membaiki kelemahan-kelemahan yang ada. Kebiasaannya terdapat peningkatan motivasi pencapaian apabilapelajar tersebut diberi peluang mengatasi kelemahan dirinya setelah mendapat maklum balas segera daripada fasilitator.

Atkinson (1964) menyatakan bahawa motivasi pencapaian boleh berlaku disebabkan dua motif iaitu motif untuk mencapai kejayaan dan motif untuk mengelak kegagalan. Individu yang mempunyai motif mencapai kejayaan memerlukan persaingan dan keseronokan. Oleh itu, modul PMD menyediakan pelbagai aktiviti yang berunsur persaingan dan menimbulkan keseronokan. Pelajar akan bersaing dan berlumba-lumba sesama sendiri untuk mencapai matlamat tertentu. Hal ini berlaku kerana semua pelajar dilibatkan dan digalakkan mengikuti setiap aktiviti di dalam modul PMD.

Penglibatan secara aktif meningkatkan dorongan dan persaingan serta mewujudkan keseronokan. Martin (1981) menyatakan bahawa sesuatu modul dapat meningkatkan motivasi pelajar, dapat menarik minat pelajar untuk belajar dan yang terpenting ialah modul berkemampuan menggalakkan penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti dan mewujudkan keseronokan.

Kesungguhan menjadi faktor terpenting dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Hal ini diakui oleh Heckhausen dan Krug (1982) yang menyatakan bahawa individu yang tinggi motivasi pencapaiannya menunjukkan kesungguhan dan usaha yang lebih dalam tugas-tugas yang mencabar. Ia disokong oleh Mc Clelland (1961) yang menyatakan bahawa motivasi pencapaian boleh ditingkatkan apabila pelajar memahami prinsip-prinsip modul dan dapat melibatkan diri secara aktif dan bersungguh-sungguh di dalam setiap aktiviti modul.

Wan Izuddin (1991) menyatakan bahawa sesuatu kumpulan dapat memberikan identiti dan harga diri serta memenuhi keperluan individu kepada rasa ingin diperlakukan dan rasa ingin memberi sumbangan. Tindak balas ahli-ahli kumpulan adalah penting kerana menggalakkan mereka memahami perlakuan diri sendiri dan cuba membaikinya.

Hal ini berlaku dalam modul PMD apabila ahli-ahli kumpulan diberi peluang berkomunikasi secara selesa dan selamat serta dapat meluahkan perasaan sesama sendiri ketika menjalani pelbagai aktiviti. Menurut Myrick dan Dixon (1985) yang menyatakan bahawa ahli-ahli dalam kumpulan merasa tidak keseorangan dengan masalah yang mereka hadapi dan akhirnya menjadikan mereka lebih bermotivasi. Pendapat ini disokong oleh Jacobs, Harvil dan Masson (1988) yang menyatakan bahawa sesuatu kumpulan itu dibentuk untuk memberi kesedaran bahawa mereka tidak keseorangan, iaitu orang lain juga mempunyai pemikiran dan perasaan yang sama seperti mereka.

Pelajar yang mengikuti modul PMD berpeluang berinteraksi dan mendapat inspirasi melalui perhubungan sosial yang positif sesama mereka turut memberi kesan kepada peningkatan motivasi pencapaian. Weinstein (1991) yang berpendapat bahawa keupayaan seseorang

pelajar berinteraksi sesama rakan, bergaul dan menyesuaikan dirinya di dalam kelompok sosial akan menambahkan pengalaman dan kemahirannya.

Jika dibuat perbandingan skor motivasi pencapaian antara sub-modul PIC, PCI dan PND tingkatan 1, menunjukkan sub-modul PIC tingkatan 1 adalah yang terbaik. Bagi sub-modul PIC, PCI dan PND tingkatan 2, menunjukkan bahawa sub-modul PND tingkatan 2 adalah yang terbaik sementara untuk sub-modul PIC, PCI dan PND tingkatan 3 pula menunjukkan bahawa sub-modul PCI tingkatan 3 adalah yang terbaik. Sekiranya dibuat perbandingan skor motivasi pencapaian tertinggi yang diperolehi oleh sub-modul PIC, PCI dan PND tingkatan 1, 2 dan 3, menunjukkan bahawa sub-modul PIC tingkatan 1 adalah yang terbaik dengan memperoleh skor motivasi pencapaian tertinggi iaitu 92.75, diikuti oleh sub-modul PCI tingkatan 3 dengan skornya 91.90 dan seterusnya sub-modul PND tingkatan 2 dengan skornya 91.50.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Dari segi teoritikal, dapatan kajian ini intipati teori motivasi pencapaian yang dikemukakan oleh Mc Clelland yang dikenali sebagai teori Motivasi Pencapaian Mc Clelland (1961;1985). Melalui teori ini beliau telah menyarankan bahawa individu yang tinggi motivasi pencapaiannya menunjukkan kesungguhan dan usaha yang lebih dalam tugas-tugas yang mencabar, memahami prinsip-prinsip serta melibatkan diri secara aktif dan bersungguh-sungguh di dalam sesuatu aktiviti.

Terdapat berbagai cara yang boleh membantu peningkatan motivasi pencapaian pelajar. Kaedah modul adalah salah satu cara yang dapat meningkatkan motivasi pencapaian, ini kerana modul sebagai bahan, alat dan sumber rangsangan, dorongan dan penggerak ke arah peningkatan motivasi pencapaian. Seterusnya modul dapat meningkatkan minat pelajar ke arah proses pengajaran dan pembelajaran serta membantu para guru memudahkan proses pengajaran di dalam bilik darjah.

Modul PMD juga dapat menarik minat pelajar untuk terus belajar kerana modul mempunyai pelbagai jenis aktiviti. Melalui aktiviti tersebut, pelajar tidak berasa bosan, malah aktiviti ini menjadi pendorong, penggerak dan pencetus kepada diri pelajar untuk mengikuti sesuatu aktiviti sehingga tamat. Melalui aktiviti-aktiviti tersebut telah menimbulkan rasa seronok dan seterusnya menghilangkan rasa bosan malah mewujudkan rasa ingin terus mengikuti sesuatu aktiviti itu hingga tamat. Hal ini membuktikan bahawa untuk mewujudkan rasa minat pelajar semasa mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran adalah disyorkan agar setiap buku teks sekolah menyediakan pelbagai aktiviti yang bersesuaian dengan mata pelajaran tertentu. Adalah lebih baik jika buku teks turut menyediakan gambar kartun yang bertindak sebagai alat atau bahan pengukuh kepada maklumat yang hendak disampaikan. Gambar kartun juga boleh menjadi perangsang, pendorong dan penggerak minda pelajar untuk terus memberi tumpuan terhadap sesuatu mata pelajaran. Ia juga boleh menarik minat bukan sahaja kepada pelajar malah kepada guru untuk mengikuti dan menyampaikan pengajaran dengan lebih berkesan.

### **CADANGAN**

Oleh sebab keberkesanan modul PMD terbukti dapat meningkatkan motivasi pencapaian pelajar maka dicadangkan agar modul PMD dapat dilaksanakan secara lebih komprehensif dan bersungguh-sungguh di semua sekolah menengah di negeri Selangor tanpa mengira sama

ada sekolah itu adalah sekolah bantuan penuh kerajaan, sekolah swasta, sekolah harian biasa, sekolah berasrama penuh, sekolah agama negeri, sekolah agama persekutuan mahupun sekolah teknik.

Memandangkan sub-modul PIC adalah sub-modul yang terbaik, serta meliputi semua tingkatan, maka adalah dicadangkan agar sub-modul PIC digunakan oleh semua pelajar. Maka aktiviti yang diberikan kepada semua pelajar adalah sama dan ini akan menyumbangkan kepada perpaduan kerana semua bangsa dan agama melalui program yang sama.

Kajian ini menunjukkan bahawa alat ukuran Ujian Motivasi Pencapaian yang diperkenalkan oleh Abu Bakar Nordin (1995) telah membuktikan dapat mengukur motivasi pencapaian pelajar, maka dicadangkan penyelidik-penyelidik lain boleh menggunakan alat ukuran tersebut di dalam mengukur motivasi pencapaian pelajar. Malahan alat ukuran tersebut telah terbukti mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Dicadangkan juga agar kajian lanjutan berhubung dengan keberkesanan modul PMD dijalankan di negeri-negeri lain di seluruh negara. Sekiranya keputusan yang diperoleh adalah sama seperti yang diperoleh dalam kajian ini, maka dicadangkan agar modul PMD diperluas penggunaannya ke seluruh negara. Modul PMD boleh dipisahkan kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama khusus untuk modul pelajar iaitu pelajar boleh mengendalikan modul tersebut secara persendirian, manakala bahagian kedua pula khusus untuk guru atau fasilitator iaitu guru atau fasilitator mengendalikan program modul untuk kumpulan pelajar yang besar.

## **KESIMPULAN**

Kajian eksperimen yang telah dijalankan ini adalah bersesuaian untuk mengenalpasti keberkesanan modul PMD ke atas motivasi pencapaian pelajar. Populasi kajian telah dikenal pasti secara teliti dan sampel kajian untuk menentukan keberkesanan modul PMD telah dipilih secara rawak. Dengan menggunakan alat ukuran ujian motivasi pencapaian yang piawai, maka kajian yang dijalankan ini berjaya membuktikan bahawa modul PMD yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Selangor berkemampuan meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Sejumlah sepuluh daripada sebelas sub-modul PMD berkemampuan meningkatkan motivasi pencapaian pelajar dan ianya menjadi bukti dan perangsang kepada kerajaan negeri Selangor untuk terus memberi peruntukkan tambahan kepada Jabatan Pendidikan Selangor bagi membina modul-modul seumpama ini di masa-masa akan datang.

Selain daripada itu, pembina-pembina modul baru atau individu yang ingin menulis dan terlibat dengan modul bolehlah menjadikan modul PMD sebagai asas dan panduan. Modul PMD juga boleh disebarkan penggunaannya di mana-mana sekolah menengah mahupun di sekolah rendah dan dijadikan asset dalam sebarang aktiviti yang berkaitan dengan motivasi. Guru-guru, fasilitator dan kaunselor sekolah bolehlah memperluaskan penggunaan modul PMD di dalam apa juga program yang akan dilaksanakan.

## **BIBLIOGRAFI**

Abu Bakar Nordin. 1995. *Asas penilaian pendidikan*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.

- Alschuter, A., Tabor, D., & McIntyre, J. 1970. *Teaching achievement motivation: theory and practice in psychological education*. Middleton: Conn Education Ventures, Inc.
- Atkinson, J.W. 1964. *An introduction to motivation*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Azemi Shaari. 1999. *Kajian tinjauan Program Maju Diri (PMD): Hubungan antara faktor jantina dan keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) terhadap penapaian motivasi di kalangan pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gombak, Gombak, Selangor*. Projek Master Sains yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Bleur, J.C. 1989. *Counselling underachiever: A counselor's guide to helping student improve their academic performance*. Michigan. ERIC Counseling and Personnel Clearing House.
- Cohen, J. 1992. A power primer. *Psychological Bulletin*, **112**: 155-159.
- Fraenkel, J.R., & Wallen, N.E. 1996. *How to design and evaluate research in education* (3<sup>rd</sup> ed). New York: Mc Graw. Hill, Inc.
- Habibah Elias. 1991. *Kesan latihan motivasi pencapaian ke atas pelajar universiti*. Tesis Ph.D. yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Habibah Elias & Wan Rafeai Abdul Rahman. 1994. Achievement motivation training module for university students. *Jurnal Pendidikan*, 87-97.
- Heckhausen, H., & Krug, S. 1982. *Motive modification in motivation and society*. San Francisco: Jossey Bass.
- Hussein Ahmad. 1991. Keberkesanan penyediaan guru dan aktiviti meningkatkan profesionalisme mereka. *Jurnal Guru*, **3**: 75-81.
- Ibrahim Abu Samah. 1995. *Remaja: Satu pandangan terhadap aliran dan permasalahan salahlaku remaja*. Sib: Institut Teknologi Mara.
- Ibrahim Mamat. 1997. *Memimpin remaja sekolah: Teori dan praktik*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Imam Al-Ghazali. 1968. *Ihya uumiddin*. Indonesia: Percetakan Mercu Kudus.
- Irene Chong Moi Moi. 1997. *Motivasi pencapaian, sifat takut kepada kegagalan di kalangan pelajar teknik dan bukan teknik*. Projek Master Sains yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Selangor. 1993. *Modul Program Maju Diri tingkatan 1-5 (Pendekatan Insan Cemerlang)*. Shah Alam: Jabatan Pendidikan Selangor.
- Jabatan Pendidikan Selangor. 1993. *Modul Program Maju Diri tingkatan 1-3 (Pendekatan Cahaya Imam)*. Shah Alam: Jabatan Pendidikan Selangor.
- Jabatan Pendidikan Selangor. 1993. *Modul Program Maju Diri tingkatan 1-3 (Pendekatan Nilai Diri)*. Shah Alam: Jabatan Pendidikan Selangor.
- Jabatan Pendidikan Selangor. 1993. *Program maju diri pelajar sekolah menengah Negeri Selangor*. Shah Alam: Jabatan Pendidikan Selangor.
- Jabatan Pendidikan Selangor. 1999. *Statistik tahun 1999*. Shah Alam: Jabatan Pendidikan Selangor.
- Jacobs, E.E, Harvill, R.L., & Masson, R.L. 1988. *Group counseling strategies and skills*. California: Brooks/Cole Publishing Company.
- Johnson, H.H., & Solso, R.L. 1978. *An introduction to experimental design in psychology: A case approach*. New York: Harper & Row Publishers, Inc.
- Judith, M., & Bernice, S. 1995. *Counselling for young people*. London: St. Edmundsbury Press.
- Maehr, M.L., & Sjogren, D.D. 1971. Atkinson's theory of achievement motivation. *Review of Educational Research*, **2**: 143-161.

- Martin, W.J. 1981. Inservice training for school administrators using individualised learning modules. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, **3**: 58-62.
- McClelland, D.C. 1985. *Human motivation*. Glenview, Illinois: Scotti Foresmen and Company.
- McClelland, D.C. 1961. *The achieving society*. New York: D.Van Nostrand Reinhold.
- McGuire, D.E., & Lyons, J.S. 1985. Trancontextual model for intervention with problem of school underachievement. *The American Journal of Family Therapy*, **13 (3)**: 37-45.
- Mc Whirter. 1998. *At risk youth: A comprehensive response*. California: Brooks Cole Publishing Company.
- Metcalfe, B.M. 1981. Self-concept and attitude to school. *British Journal of Educational Psychology*, **51**: 66-76.
- Mohamed Fadzil Che Din. 1997. *A survey of employee problems and the effectiveness of employee counselling programme in a organisation in Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan, University of Hull.
- Mohd Majid Konting. 1998. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Percetakan Ke Empat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Mansur Abdullah. 1994. Penilaian perkhidmatan kaunseling dan bimbingan di sekolah-sekolah menengah menggunakan model C.I.P.P. *Jurnal PERKAMA: Persatuan Kaunseling Malaysia*, **5**: 69- 94.
- Murray, E.J. 1964. *Motivation and emotion*. Englewood Cliffs. New Jersey: Printice Hall, Inc.
- Myrick, R.D., & Dixon, R.W. 1985. Changing student attitudes and behaviour through group counseling. *The School Counselor*, **32**: 325-330.
- Rusell, J.D. (1974). *Modular instruction: A guide to the design, selection, utilization and evaluation of modular materials*. New York: Burgess Publishing Company.
- Sabitha Marican & Che Su Mustafa. 1995. Penilaian terhadap remaja lari dari rumah: Punca dan penyelesaian. Dalam Mahmood Nazar & Sabitha Marican (1995). *Prosiding Seminar Kebangsaan Gejala Sosial*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Salihan Siais & Ahmad Mohd Isa. 1988. *Pengisian pelajar-pelajar bermotivasi*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Motivasi Pelajar, Institut Latihan Sultan Ahmad Shah.
- Shertzer, B., & Stone, S.C. 1981. *Fundamentals of guidance*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Suradi Salim. 1987. Tinjauan sikap dan tabiat belajar pelajar-pelajar sekolah menengah Negeri Selangor. *Jurnal Pendidikan*, **11**: 77-90.
- Teuku Iskandar. 1992. *Kamus dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuckman, B.W. 1978. *Conducting educational research*. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Tuckman, B.W., & Waheed, M.A. 1981. Evaluating an individualized science programme for community college students. *Journal of Research in Science Teaching*, **18**: 489-495.
- Wan Izuddin. 1991. *Strategi membina pasukan*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wan Rahimah Wan Ab. Kadir (1995). Pendidikan masa kini: Ke arah melahirkan generasi berkualiti. *Jurnal Guru*, **7**: 426-436.
- Weinstein, C. 1991. The classroom as a social context for learning. *Annual Review of Psychology*, **42**: 493-525.

Zuhairi Ali. 2000. Gejala gengstrisme sekolah di Selangor tidak serius. *Utusan Malaysia*, 21, April 4.